VISIA FINANCE BHD. (DAHULU DIKENALI SEBAGAI SIM LIM FINANCE (M) BHD.)

lwn.

TEE HOLDINGS SDN. BHD. & DUA LAGI

MAHKAMAH TINGGI, KUALA LUMPUR
DATO' HJ. ABDUL MALEK BIN HJ. AHMAD H.
[GUAMAN SIVIL NO: D5-22-2040-90]
23 JUN 1992

KONTRAK: Surat gerenti disempurnakan di Semenanjung - Disaksikan oleh Pesuruhjaya Sumpah dari Sarawak - Penyataan bahawa surat gerenti telah dibelakangkan tarikhnya - Sama ada ia merupakan isu untuk dibicarakan - Penyataan fraud dan salahnyataan - Tidak diplidkan atau dibuktikan - Kesannya.

Defendan kedua dan ketiga merayu terhadap keputusan Penolong Kanan Pendaftar yang memerintahkan bahawa plaintif diberi kebebasan untuk mencatatkan penghakiman muktamad terhadap mereka.

Peguam defendan kedua dan ketiga telah menghujah bahawa oleh kerana surat gerenti telah ditandatangani di Semenanjung dan Pesuruhjaya Sumpah yang menyaksikannya adalah dari Sarawak, surat gerenti tersebut adalah tidak sah. Ini adalah kerana, menurutnya, bidang kuasa Mahkamah Tinggi adalah berasingan. Defendan-defendan kedua dan ketiga juga mengatakan bahawa surat gerenti tersebut telah ditandatangani pada tarikh yang lewat dari yang disebutkan didalamnya dan oleh yang demikian ada isu-isu untuk dibicarakan.

Diputuskan:

[1] Defendan kedua dan ketiga tidak menyatakan bila dan dimana surat gerenti dibuat sungguhpun ini dalam pengetahuan mereka. Mereka hanya cuba membangkitkan isu-isu dalam keadaan syak wasangka untuk mengelakkan perkara sebenar diketahui supaya penghakiman tidak akan diberi terhadap mereka.

[2] Kaedah-kaedah Pesuruhjaya Sumpah 1968 tidak menghadkan daerah bidangkuasa seseorang yang dilantik Pesuruhjaya Sumpah dan oleh itu tiada bantahan boleh dikemukakan jika seorang Pesuruhjaya Sumpah dari Sarawak menyaksikan surat gerenti di Semenanjung.

[3] Fraud dan salahnyataan tidak diplidkan dan dibuktikan dan sesuatu suratan adalah sah sungguhpun ruang-ruang kosong diisi selepas disempurnakan asalkan pihak-pihak yang menandatangani faham dan mengetahui akibat dari menandatangani suratan tersebut.

[Rayuan ditolak dengan kos].

Kes yang dirujuk:

Ming Lian Corpn. Sdn. Bhd. v. Haji Noordin [1974] 1 MLJ 52 ***(diikuti)***

Bagi pihak defendan kedua dan ketiga - Nirmala Munusamy; T/n. Syarikat Joginder Singh

Bagi pihak plaintif - Wu Tern Yue; T/n. K.C. Yap, Kamaludin & Partners

ALASAN PENGHAKIMAN

Hj. Abdul Malek bin Hj. Ahmad H:

Pada 26 Ogos 1991, Penolong Kanan Pendaftar yang arif telah memerintahkan bahawa plaintif diberi kebebasan untuk mencatatkan penghakiman terhadap defendan kedua dan defendan ketiga untuk jumlah RM460,727.04 bersama dengan bunga pada kadar faedah 17.5 peratus setahun keatas RM264,592.36, fee undang-undang plaintif yang ditafsirkan oleh mahkamah dan kos.

Notis rayuan yang difailkan pada 2 September 1991 mungkin telah tidak disediakan secara teliti kerana ianya menyebut "defendan yang dinamakan diatas" yang merayu bukan khususnya defendan kedua dan defendan ketiga, dan selepas perkataan “kos” terdapat perkataan-perkataan “diketepikan dan juga diperintahkan bahawa plaintif diberikan kebenaran untuk memasukan penghakiman yang baru terhadap defendan”.

Walau bagaimanapun, ini tidak menjejaskan perjalanan rayuan sama sekali. Asas rayuan, mengikut hujah-hujah Peguam yang bijaksana bagi pihak defendan kedua dan ketiga ialah bahawa surat gerenti yang bertarikh 26 Oktober 1985 disaksikan oleh seorang Pesuruhjaya Sumpah di Sarawak dan oleh kerana kedua-dua defendan kedua dan defendan ketiga tidak pernah ke Sarawak pada keseluruhan tahun 1985, surat gerenti adalah tidak sah. Peguam juga telah menyarankan bahawa surat gerenti telah dibelakangkan tarikhnya dan oleh kedua-dua sebab ini, ada isu untuk dibicarakan.

Perlu diperhatikan bahawa alasan yang sama dinyatakan oleh defendan ketiga dalam afidavit

beliau yang difailkan pada 24 Oktober 1991 bagi pihak beliau sendiri dan bagi pihak suami beliau iaitu dafendan kedua. Pasport defendan kedua telah dikemukakan untuk menunjukkan bahawa defendan kedua tidak pernah pergi ke Sarawak pada keseluruhan tahun 1985 tetapi pasport defendan ketiga tidak dapat dikemukakan kerana dikatakan telah ditahan oleh Bank Negara Malaysia pada masa afidavit diikrarkan.

Peguam yang arif bagi pihak plaintif telah berhujah bahawa tandatangan-tandatangan telah diturunkan di Sarawak. Lagi pun, tandatangan penjamin tidak perlu disaksikan dalam surat gerenti. Peguam juga telah memberitahu mahkamah bahawa fraud dan pemalsuan telah tidak dibangkitkan langsung oleh defendan kedua dan defendan ketiga.

Dalam jawapan, Peguam defendan kedua dan defendan ketiga telah menyatakan bahawa surat gerenti telah ditandatangani di semenanjung pada tarikh yang lewat dari yang disebutkan didalam surat gerenti tersebut dan oleh kerana bidangkuasa Mahkamah Tinggi adalah berasingan, Pesuruhjaya Sumpah yang menyaksikan surat gerenti sepatutnya dari Semenanjung.

Mahkamah berpendapat bahawa selain dari Peguam defendan kedua dan defendan ketiga bertukar hujah mengenai dimana surat gerenti dibuat, defendan kedua dan defendan ketiga juga tidak menyatakan bila dan dimana surat gerenti dibuat sungguhpun ini dalam pengetahuan mereka dan mereka telah menafikan menandatanganinya pada tarikh yang dinyatakan dalam surat gerenti tersebut. Pandangan mahkamah ialah mereka hanya mencuba membangkitkan isu-isu dalam keadaan syak wasangka sahaja tanpa memberitahu kedudukan yang sebenarnya untuk mengelakkan perkara sebenar diketahui pada ketika ini supaya penghakiman tidak akan diberi terhadap mereka berdua.

Mengenai saksi surat gerenti, Kaedah-kaedah Pesuruhjaya Sumpah 1968 yang terpakai pada ketika itu tidak menghadkan daerah bidangkuasa seseorang yang dilantik Pesuruhjaya Sumpah dan oleh itu tiada bantahan boleh dikemukan jika seorang Pesuruhjaya Sumpah dari Sarawak menyaksikan surat gerenti di Semenanjung. Mahkamah dapat menerima hakikat bahawa oleh kerana kedua-dua defendan kedua dan defendan ketiga tidak pernah ke Sarawak pada keseluruhan tahun 1985, surat gerenti memang, seperti dinyatakan oleh Peguam mereka dalam jawapannya, telah disempurnakan di Semenanjung.

Seperti dinyatakan dalam kes *Ming Lian Corporation Sdn. Bhd. v. Haji Noordin* [1974] 1 MLJ 52, oleh kerana fraud dan salahnyataan tidak diplidkan atau dibuktikan, sesuatu suratan adalah sah sungguh pun ruang-ruang kosong diisi selepas disempurnakan asalkan pihak-pihak yang menandatangani faham dan mengetahui akibat dari menandatangani suratan tersebut. Situasi dalam kes ini lebih kuat kerana tiada pengataan bahawa surat gerenti yang kosong telah ditandatangani. Seterusnya, kedua-dua defendan kedua dan defendan ketiga memang faham akan isi kandungannya.

Dengan demikain, tiada isu berbangkit dan rayuan ditolak dengan kos.